

03 AUG 2001

Ulama-Islam

SEPAKAT: MALAYSIA ADALAH NEGARA ISLAM

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Sejumlah 70 orang ulama, tokoh agama dan ahli akademik negara hari ini bersetuju dalam satu muzakarah bahawa Malaysia telah mencapai takrif negara Islam.

Muzakarah yang dipengerusikan oleh penasihat agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman menyetujui taraf negara Islam itu berdasarkan pendapat-pendapat ulama yang diambil sejak dari zaman Bani Umayyah dan Abbasiyah.

Abdul Hamid berkata mereka bersetuju bahawa Malaysia merupakan negara Islam berdasarkan keterangan ulama mazhab Hanafi yang terkenal seperti Muhammad bin Hasan As Syaibani, Imam al-Fahistani dan Imam Syafie serta pendapat ulama yang tinggal dalam pelbagai bentuk negara Islam termasuk yang pernah dijajah oleh bangsa asing.

Perbincangan yang diasas kepada ilmu dan pendapat ulama muktabar itu turut membenarkan kerajaan Islam yang memerintah ditegur tetapi melarang sebarang usaha untuk menjatuhkannya, katanya kepada pemberita selepas perbincangan atau muzakarah tiga jam itu.

Ulama seperti Muhammad berpendapat negara Islam ialah negara yang dikuasai oleh umat Islam dan orang Islam beroleh keselamatan di dalamnya. Imam al-Fahistani bersetuju bahawa negara yang hukum pemerintahan Islam berkuatkuasa di dalamnya dan Imam Syafie berpendapat negara Islam yang pernah atau sedang dijajah sebab telah dikalahkan tidak akan hilang takrif itu, katanya.

Beliau berkata kerajaan hari ini telah pun melaksanakan prinsip-prinsip Islam seperti pelantikan pemimpin melalui undi, undang-undang yang membela rakyat yang teraniaya, mengadakan polis dan tentera untuk menjaga keamanan dan keselamatan.

"Maka inilah ciri-ciri negara kita dan semua berpuashati dan ulama sependapat mengakui kita dah termasuk dalam takrif negara Islam," katanya.

Abdul Hamid berkata persetujuan itu dengan ini menolak tuduhan bahawa Malaysia bukan negara Islam tetapi sebuah negara sekular ataupun kebangsaan.

Beliau berkata Umno cuba menjelaskan konsep negara Islam melalui pendekatan ilmu dan bukan secara emosi atau pendekatan politik seperti yang diambil oleh setengah pihak.

"Sudah sampai masa kita basmi kejahilan rakyat tentang negara Islam...politik Islam dibincangkan sampai ke kedai kopi, malangnya, tidak ada ilmu," katanya.

Hamid berkata selepas ini Umno akan menjalankan kempen menjelaskan konsep negara Islam yang sebenar kepada rakyat jelata dengan memberi mereka ilmu. Ilmu yang disampaikan melalui buku, kursus dan ceramah secara tidak langsung akan menolak kejahilan mereka mengenai negara Islam.

"Ini (isu negara Islam) adalah kemuncak politik Melayu tetapi yang hakiki memperjuangkan Islam (Umno) telah disalut oleh kabus-kabus tertentu dan dituduh tidak perjuangkan Islam," katanya.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencabar PAS menjelaskan konsep negara Islam kepada rakyat, bagaimanapun cabaran ini disambut dengan dingin oleh pemimpin tertinggi PAS beserta alasan PAS tidak perlu memperincikan konsep negara Islam.

Perbincangan taraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam seperti yang dinyatakan dalam kertas kerja Datuk Wan Zahidi Wan Teh dari Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan akan diedar kepada orang ramai tidak lama

lagi.

-- BERNAMA
SLR AHH MOZ